SYARIAH CASES

Jumaaton dan Satu lagi lwn Raja Hizaruddin

MAHKAMAH RAYUAN SYARIAH (KUALA LUMPUR) — KES MAL BIL 4/97
SHEIKH GHAZALI KETUA HAKIM SYARIAH (WP), AHMAD IBRAHIM DAN HARUN HASHIM HHMRS
8 JULAI 1998

Undang-Undang Islam *— Pewarisan — Bidang kuasa mahkamah syariah — Sama ada mahkamah syariah mempunyai bidang kuasa dalam perkara probet dan surat mentadbir harta orang Islam — Sama ada seseorang waris mempunyai hak ke atas harta pusaka sedangkan pentadbiran harta tersebut oleh pentadbir yang dilantik oleh mahkamah belum selesai — Perlembagaan Persekutuan perkara 74, 121(1A) & Senarai 2 Jadual Kesembilan — Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah Persekutuan) 1993 ss 46(b), (2) & 50 — Akta Probet dan Pentadbiran 1959 — Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam Selangor 1952 s 79*

Perkara yang menjadi pertikaian di antara perayu dan penentang ialah harta pusaka peninggalan si mati. Apabila si mati meninggal dunia, lebih 11 juta unit saham syarikat yang ditubuhkan oleh si mati — Arensi Holdings (M) Sdn Bhd ('Arensi') — telah didaftarkan atas nama penentang, anak si mati dari balu pertama. Perayu pertama adalah balu kedua si mati dan perayu kedua adalah anak hasil pernikahan kedua itu. Kedua-dua perayu menuntut bahawa saham dalam Arensi yang didaftarkan atas nama penentang adalah sebenarnya harta pusaka peninggalan si mati dan bukan harta mutlak penentang. Oleh itu, ia hendaklah dibahagikan kepada semua waris si mati mengikut hukum faraid. Penentang telah menafikan tuntutan tersebut.

Apabila kes tuntutan pembahagian harta pusaka si mati dikemukakan, dua isu awalan telah dibangkitkan, iaitu: (a) sama ada kedua-dua perayu ada locus standi untuk memfailkan kes ini terhadap penentang kerana mereka bukan pentadbir harta si mati dan tidak dapat apa wakalah dari semua waris lain untuk mewakili mereka dalam tuntutan itu; dan (b) sama ada mahkamah syariah ada bidang kuasa mendengar tuntutan ini dan mengeluarkan perintah atau membuat keputusan seperti yang dipohon oleh perayu. Hakim Mahkamah Tinggi Syariah memutuskan bahawa mahkamah syariah tiada bidang kuasa mendengar kes itu mengikut s 46(b) Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah Persekutuan) 1993. Oleh yang demikian, tuntutan tersebut ditolak. Kedua-dua perayu kemudiannya mengemukakan rayuan mereka ke Mahkamah Rayuan Syariah.

Diputuskan, menolak rayuan:

(1) Mahkamah syariah tidak mempunyai kuasa dalam perkara probet dan surat mentadbir harta. Ini adalah kerana perkara probet dan surat mentadbir pusaka diletakkan di bawah Senarai Kuasa Perundangan Persekutuan (Senarai 1 Jadual Kesembilan

A Perlembagaan Persekutuan) dan tidak dikecualikan bagi orang Islam. Oleh kerana itu, undang-undang mengenai probet dan pentadbiran pusaka terdapat dalam Akta Probet dan Pentadbiran 1959 (lihat ms 561D-F).

(2) Seorang waris tiada apa-apa kepentingan dalam mana-mana harta
B yang menjadi atau dikatakan menjadi harta pusaka selama pentadbiran harta pusaka itu belum selesai (lihat ms 564E–F).

Kes-kes yang dirujuk

Dalip Kaur v Pegawai Polis, Bukit Mertajam [1992] 1 MLJ 1 (dirujuk)
C *Khoo Teng Seong v Khoo Teng Peng* [1990] 2 CLJ 233 (dirujuk)
Lee Ah Thaw v Lee Chun Tek [1978] 1 MLJ 173 (dirujuk)
Lord Sudeley & Ors v AG [1897] AC 11 (dirujuk)
Md Hakim Lee v Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur [1998] 1 MLJ 681 (dirujuk)
D *Mohamed Habibullah bin Mahmood v Faridah bte Dato Talib* [1992] 2 MLJ 793 (dirujuk)
Punca Klasik Sdn Bhd v Foh Chong & Sons Sdn Bhd & Ors [1998] 1 CLJ 601 (dirujuk)
Tan Heng Poh v Tan Boon Tong & Ors [1992] 2 MLJ 1 (dirujuk)
Timah bte Abdullah, Re [1941] MLJ 51 (dirujuk)

E

Undang-undang yang dirujuk

Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993 s 46, (b), (2)
F Akta Probet dan Pentadbiran 1959
Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam Selangor 1952 s 79
Perlembagaan Persekutuan perkara 121(1A), Senarai 1 (Senarai Persekutuan) perkara 3(e)(ii), Senarai 2 (Senarai Negeri Jadual Kesembilan) perenggan 1

G *Kamar Ainiah Kamaruzaman* (*Zulkefli Nordin* bersamanya) (*Kamar Ainiah Razif & Co*) bagi pihak perayu.

Razak Ibrahim (*Zulkefli Che Yong* bersamanya) (*Zulkifli Yong Azmi & Co*) bagi pihak penentang.

Sheikh Ghazali Ketua Hakim Syariah (WP): Dalam kes ini pemohon-
H pemohon telah membuat tuntutan dan memohon:

(a) Satu perisytiharan dibuat oleh mahkamah bahawa saham-saham sebanyak 11,095,666 unit yang didaftar atas nama penentang dalam Arensi Holdings (M) Bhd pada masa kematian Allahyarham Raja Nong Chik bin Raja Ishak dipegang oleh penentang bagi pihak
I bapanya dan adalah menjadi harta pusaka peninggalan Allahyarham Raja Nong Chik bin Raja Ishak.

(b) Satu perisytiharan dibuat oleh mahkamah bahawa segala saham, dividen, saham bonus, dan/atau isu terbitan atau apa-apa bahagian

darinya dalam Arensi Holdings (M) Bhd, yang diterima oleh penentang daripada Arensi Holdings (M) Bhd sejak kematian Allahyarham Raja Nong Chik bin Raja Ishak, dipegang oleh penentang bagi pihak bapanya dan adalah menjadi harta pusaka peninggalan Allahyarham Raja Nong Chik bin Raja Ishak. A

(c) Satu perisytiharan dibuat oleh mahkamah bahawa kesemua waris Allahyarham, iaitu keluarga balu kedua (pemohon pertama) dan keluarga balu pertama Rajmah bte Raja Chik) yang berjumlah 12 orang berhak menerima bahagian masing-masing mengikut hukum faraid daripada saham-saham sebanyak 11,095,666 unit Arensi Holdings (M) Bhd yang didaftar atas nama penentang, dan daripada segala saham dividen, saham bonus dan atau isu terbitan atau apa-apa bahagian darinya, dalam Arensi Holdings (M) Bhd, yang diterima oleh penentang sejak kematian Allahyarham Raja Nong Chik bin Raja Ishak. B C

Fakta-fakta yang berkaitan dalam kes ini adalah seperti berikut. Allahyarham Raja Nong Chik bin Raja Ishak telah meninggal dunia pada 10 Februari 1994 dan di waktu kematiannya, Allahyarham meninggalkan seramai 12 orang waris iaitu dua orang balu dan sepuluh orang anak hasil dari dua-dua perkahwinan. Ini termasuk perayu pertama (balu kedua), perayu kedua (anak hasil pernikahan yang kedua) dan penentang (hasil pernikahan yang pertama). Semasa hayatnya, Allahyarham adalah seorang ahli perniagaan yang sangat aktif dan berjaya. Allahyarham memiliki beberapa buah syarikat dan berkecimpung di dalam berbagai jenis perusahaan. Perniagaan Allahyarham yang paling besar ialah Arensi Holdings (M) Bhd, sebuah syarikat perkilangan membuat paip plastik dan bahan bangunan plastik. Saham-saham Arensi Holdings (M) Bhd telah kemudiannya disenaraikan di Papan Kedua, Bursa Saham Kuala Lumpur. Sewaktu kematiannya, saham Arensi Holdings (M) Bhd yang didaftar atas nama Allahyarham adalah sebanyak 1,464,647 unit atau 7.67% dari kesemua saham, manakala saham-saham yang didaftar atas nama penentang adalah sebanyak 11,095,666 unit atau 58.12% dari kesemua saham Arensi Holdings (M) Bhd. Selepas kematian Allahyarham, pemohon-pemohon bagi pihak diri mereka dan ahli keluarga yang lain telah meminta penentang membahagikan saham-saham Arensi Holdings (M) Sdn Bhd yang didaftarkan di bawah nama penentang mengikut hukum faraid memandangkan saham-saham tersebut dikatakan sebenarnya adalah harta peninggalan Allahyarham tetapi penentang enggan berbuat demikian. Penentang telah menafikan tuntutan pemohon-pemohon itu dan memohon perintah-perintah perisytiharan yang dituntut oleh pemohon-pemohon ditolak. D E F G H

Pada 17 Disember 1996, penolong kanan pendaftar Mahkamah Tinggi Malaya di Kuala Lumpur telah membuat perintah atas persetujuan semua ahli waris Allahyarham Raja Nong Chik bahawa Amanah Raya Bhd dilantik sebagai pentadbir harta pusaka Raja Nong Chik secara terhad selama empat bulan dari tarikh perintah itu untuk mentadbir aset-aset dalam senarai A dalam petisyen yang tidak dipertikaikan oleh mana-mana pihak dan tanpa prejudis terhadap mana-mana pihak untuk mencabar dan I

mempertikaikan aset-aset dalam senarai A dalam petisyen dan tanpa prejudis kepada mana-mana pihak untuk mencabar, mempertikaikan, menambah dan/atau meminda senarai benefisiari-benefisiari seperti mana yang terkandung dalam petisyen.

Apabila kes dibawa di hadapan Mahkamah Tinggi Syariah, satu nota permohonan telah dibuat oleh plaintif-plaintif dalam kes itu untuk membicarakan isu awalan sebelum perbicaraan sepenuhnya dijalankan. Isu awalan itu adalah:

(a) yang pertama, pihak menuntut tidak ada locus standi, tidak mempunyai hak untuk membawa tindakan terhadap yang kena tuntut kerana kedua-dua pihak yang menuntut bukan pentadbir harta pusaka Allahyarham Raja Nong Chik dan tidak dapat wakalah daripada semua waris-waris untuk mewakil mereka dalam tuntutan ini; dan

(b) kedua, yang dipohon oleh yang menuntut adalah luar bidang kuasa mahkamah Syariah.

Hakim Mahkamah Tinggi Wilayah Persekutuan, selepas mendengar permohonan itu, telah memutuskan bahawa Mahkamah Syariah Tinggi tidak ada bidang kuasa mengikut s 46(b) Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993 dan tuntutan yang menuntut ditolak.

Yang menuntut kemudiannya telah membuat rayuan kepada Mahkamah Rayuan Syariah. Dalam hujah peguam perayu beliau menyebutkan isu yang penting dalam rayuan itu adalah:

(a) apakah mahkamah Syariah mempunyai bidang kuasa membicarakan kes ini;

(b) apakah perayu-perayu ada 'locus standi' membawa kes ini sekiranya mereka tidak mempunyai surat pentadbiran terhadap harta pusaka Raja Nong Chik mengenai bidang kuasa mahkamah Syariah.

Rujukan telah dibuat kepada perkara 121(1A) Perlembagaan Persekutuan yang memperuntukkan:

> Mahkamah-mahkamah yang disebut dalam Fasal (1) [iaitu Mahkamah Tinggi dan mahkamah bawahan] tidaklah boleh mempunyai bidang kuasa berkenaan dengan apa-apa perkara dalam bidang kuasa mahkamah Syariah.

Dalam kes *Mohamed Habibullah bin Mahmood v Faridah bte Dato Talib* [1992] 2 MLJ 793 Harun Hashim HMA telah berkata (diterjemahkan dari Bahasa Inggeris, di ms 800):

> Adalah jelas bahawa tujuan Parlimen dengan adanya perkara 121(1A) ialah untuk menyingkir bidang kuasa Mahkamah-Mahkamah Tinggi di dalam mana-mana perkara yang termasuk di dalam bidang kuasa mahkamah Syariah (*Dalip Kaur lwn Pegawai Polis, Bukit Mertajam* [1992] 1 MLJ 7). Oleh kerana itu, saya berpendapat bahawa apabila ada cabaran kepada bidang kuasa pendekatan yang betul ialah pertama sekali melihat sama ada mahkamah Syariah mempunyai bidang kuasa dan bukan sama ada badan perundangan negeri mempunyai kuasa memperuntukkan undang-undang yang memberi bidang kuasa kepada mahkamah Syariah. Kesahan undang-

undang negeri hanya boleh dipersoalkan di dalam prosiding berasingan di bawah perkara 4(3) Perlembagaan Persekutuan.

Dalam kes *Mohamad Habibullah*, Mohd Azmi HMA telah berkata (diterjemahkan dari Bahasa Inggeris, di ms 815):

> Di dalam kes *Dalip Kaur lwn Pegawai Polis, Bukit Mertajam* [1992] 1 MLJ 1 Mohamad Yusoff HMA telah memberi pandangan berikut:
>
> 'Adalah nyata dari pandangan Yang Arif Pesuruhjaya Kehakiman bahawa penentuan soalan sama ada seseorang itu orang Islam atau telah meninggalkan kepercayaan agama Islam sebelum kematiannya melanggar masuk kawasan hukum syarak yang memerlukan pertimbangan yang bersungguh-sungguh dan tafsiran yang betul Hukum Syarak itu. Tanpa authoriti yang sempurna untuk menyokong hujahnya tidaklah mencukupi mengatakan sama ada terdapat atau tidak syarat terdahulu bagi seseorang menjadi seorang Islam; atau jika si mati dibuktikan telah bersembahyang di kuil Sikh ia secara jelas telah menjadi murtad.
>
> Soal sekarang, pada pendapat saya, tidak boleh dijawab dengan penggunaan secara mudah sahaja fakta-fakta seperti yang didapati oleh Yang Arif Pesuruhjaya Kehakiman atas asas kebenaran dan perkaitan keterangan mengikut undang-undang sivil. Isu yang penting dan berat seperti itu pada pendapat saya, memerlukan pertimbangan hukum syarak oleh ahli hukum yang berkenaan yang layak membuat demikian. Hanya mahkamah Syariah sahaja forum yang layak membuat demikian.'

Peguam syarie bagi pihak perayu telah merujuk kepada bidang kuasa Mahkamah Tinggi Syariah yang disebut dalam s 46 Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993. Antara lain peruntukan itu menyebut bahawa Mahkamah Tinggi Syariah hendaklah dalam bidang kuasa sivilnya mendengar dan memutuskan semua tindakan dan prosiding yang berhubung dengan:

> (viii)pembahagian dan perwarisan harta berwasiat atau tak berwasiat.
>
> (ix) penentuan orang-orang yang berhak kepada bahagian harta pusaka seseorang si mati Islam atau bahagian-bahagian yang kepadanya orang itu masing-masing berhak.
>
> (x) lain-lain perkara yang mengenainya bidang kuasa diberi oleh mana-mana undang-undang bertulis.

Senarai 2 — Senarai Negeri dalam Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan menyebutkan bahawa Badan Perunding Negeri (dan bagi Wilayah-Wilayah Persekutuan) Parlimen boleh membuat undang-undang mengenai antara lain keanggotaan, penyusunan dan acara bagi mahkamah-mahkamah Syariah yang akan mempunyai bidang kuasa hanya ke atas orang-orang yang menganut ugama Islam dan hanya mengenai mana-mana perkara yang termasuk dalam perenggan 1 Senarai 2 itu. Antara perkara yang disebut dalam perenggan 1 Senarai 2 itu ialah:

> ... Hukum Syarak berhubung dengan mewarisi harta berwasiat dan tak berwasiat ... pemberian, pembahagian harta dan amanah bukan khairat; Wakaf Islam dan ta'arif serta peraturan mengenai amanah khairat dan khairat ugama ... .

Sungguhpun Senarai 2 Jadual Kesembilan itu menyebut mengenai 'Hukum Syarak berhubung dengan mewaris harta berwasiat dan tak berwasiat' dan 'pembahagian harta' apabila rujukan dibuat kepada Senarai 1 Senarai Persekutuan Jadual Kesembilan itu ini tidak termasuk probet dan surat mentadbir pusaka. Perkara (e) perenggan (i) dalam Senarai Persekutuan itu menyebut bahawa Parlimen boleh membuat undang-undang antara lain mengenai 'perwarisan harta berwasiat dan tidak berwasiat, probet dan surat mentadbir pusaka'. Kemudian dalam bahagian (ii) perkara (a) itu disebut 'Perkara yang tersebut dalam perenggan (1) tidak termasuk undang-undang diri orang-orang Islam berhubung dengan "pemberian atau perwarisan harta berwasiat dan tidak berwasiat" '. Ini bermakna undang-undang mengenai 'probet dan surat mentadbir harta' dimasukkan dalam Senarai Persekutuan dan bukan 'Senarai Negeri' dan oleh kerana itu Badan Perundangan Negeri dan Mahkamah Syariah tidak mempunyai kuasa atau bidang kuasa dalam perkara 'probet dan surat mentadbir harta' itu. Inilah sebab undang-undang mengenai 'probet dan surat mentadbir' bagi semua orang di Malaysia terdapat dalam Akta Probet dan Pentadbiran 1959.

Sungguhpun semua pihak dalam kes ini adalah orang Islam namun demikian kuasa untuk mentadbir harta pusaka telah dibuat oleh Mahkamah Tinggi (Sivil). Ini disebabkan oleh kerana perkara 'probet dan surat mentadbir pusaka' diletakkan di bawah senarai kuasa perundangan Persekutuan (Senarai 1 Jadual Kesembilan kepada Perlembagaan Malaysia) dan tidak dikecualikan bagi orang Islam. Oleh kerana itu, undang-undang mengenai probet dan pentadbiran pusaka terdapat dalam Akta Probet dan Pentadbiran 1959. Di bawah Akta itu Amanah Raya Bhd telah dilantik sebagai pentadbir harta pusaka Allahyarham Raja Nong Chik dan boleh menjalankan semua kuasa mengenai harta pusaka termasuk membawa apa-apa tindakan yang boleh dibuat oleh si mati jika ia masih hidup. Dalam perkara ini telah diputuskan dalam beberapa kes di Malaysia bahawa apabila pentadbiran sesuatu harta pusaka oleh pentadbir yang dilantik oleh mahkamah belum selesai, waris harta pusaka itu tidak mempunyai apa-apa hak dalam harta pusaka itu. Seperti yang disebutkan oleh Lee Hun Hoe HB (Borneo) dalam kes *Lee Ah Thaw & Anor v Lee Chun Tek* [1978] 1 MLJ 173:

> Harta pewasiat terletak hak pada wasi waktu pentadbiran harta pusakanya dan tiada sesiapa lain mempunyai apa-apa kepentingan dalam harta itu.

Dalam kes *Khoo Teng Seong v Khoo Teng Peng* [1990] 2 CLJ 23 Lee Beng Choon H telah berkata (diterjemahkan dari Bahasa Inggeris, di ms 238):

> Prinsip undang-undang bahawa orang yang menerima warisan (legatee) sebahagian baki harta pusaka tidak mempunyai apa-apa kepentingan kepada mana-mana harta pewasiat hingga baki itu telah ditentukan dan haknya ialah menentukan harta pusaka itu ditadbirkan dengan baik dan dibahagikan bahagiannya apabila pentadbiran itu diselesaikan telah sebulat suara disebutkan oleh pendapat hakim-hakim untuk masa hampir 100 tahun.

Kes yang utama yang mengemukakan prinsip ini ialah kes *Lord Sudeley & Ors v AG* [1897] AC 11. Mahkamah Agung dalam kes *Tan Heng Poh v*

Tan Boon Tong & Ors [1992] 2 MLJ 1 mengesahkan keputusan-keputusan dalam kes-kes *Lee Ah Thaw* dan *Khoo Teng Seong* yang mengukuhkan prinsip bahawa apabila pentadbiran belum diselesaikan, seorang menerima baki warisan tidak mempunyai apa-apa kepentingan mengenai harta si mati hingga baki itu ditentukan. Baru-baru ini dalam kes *Punca Klasik Sdn Bhd v Foh Chong & Sons Sdn Bhd & Ors* [1998] 1 CLJ 601, Abdul Malik Ishak H telah mengikut kes-kes terdahulu itu dan memutuskan seorang waris tidak ada apa-apa kepentingan dalam mana-mana harta yang menjadi sebagai harta pusaka itu atau pendapatan dari harta itu selama pentadbiran harta pusaka itu belum selesai. Jelaslah jika undang-undang sivil dikenakan dalam kes ini pemohon-pemohon tidak ada hak membuat tuntutan mengenai saham-saham itu yang didakwakan kepunyaan Almarhum Raja Nong Chik sehingga pentadbiran harta pusakanya diselesaikan.

Peguam syarie bagi pihak perayu telah banyak bergantung kepada kes terbaru *Md Hakim Lee v Majlis Agama Islam, Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur* [1998] 1 MLJ 681, di mana Abdul Kadir Sulaiman H telah berkata maksudnya (diterjemahkan dari Bahasa Inggeris, di ms 685):

> Pada pendapat saya setelah merujuk kepada perkara 74 dan perenggan 1 Senarai Negeri dalam Perlembagaan, bidang kuasa mahkamah Syariah adalah lebih luas dari apa yang diberi dengan nyata kepadanya oleh badan perundangan negeri yang berkenaan. Mahkamah Syariah hendaklah mempunyai bidang kuasa ke atas orang-orang yang menganut ugama Islam mengenai mana-mana perkara yang termasuk di dalam perenggan 1 itu. Ia tidak dihadkan kepada apa yang telah diperuntukan dengan nyata. Perkara-perkara itu termasuk undang-undang Islam dan undang-undang keluarga orang-orang yang menganuti ugama Islam. Ia termasuk kuasa berhubung dengan kesalahan-kesalahan yang dilakukan oleh orang-orang yang menganuti ugama Islam terhadap ajaran ugama itu. Fakta bahawa badan perundangan telah diberi kuasa membuat undang-undang akan tetapi dia belum membuat demikian, tidak akan menjejas dari kenyataan bahawa perkara-perkara itu termasuk di bawah bidang kuasa mahkamah Syariah, seperti yang dinyatakan dalam perenggan 1 Senarai Negeri dan bidang kuasa yang mana telah ditarik keluar dari mahkamah-mahkamah yang disebut di perkara 121(1) Perlembagaan. Jika badan perundangan negeri belum lagi membuat undang-undang khusus dalam perkara itu, ia adalah termasuk dalam kuasanya membuat demikian pada masa hadapan di bawah peruntukan perkara 74 Perlembagaan Persekutuan. Oleh kerana itu, apabila perkara itu dipertikaikan bidang kuasa itu adalah kepunyaan mahkamah Syariah dan bukan kepunyaan mahkamah yang disebut dalam perkara 121(1) walaupun tidak terdapat peruntukan khas dalam enakmen-enakmen negeri mengenai perkara itu pada masa isu itu timbul. Itu adalah maksud perkara 121(1A) apabila ia menyebut dengan jelas bahawa mahkamah-mahkamah sivil yang disebut di perkara 121(1), termasuk Mahkamah-Mahkamah Tinggi tidak akan ada bidang kuasa dalam perkara itu. Fakta bahawa mahkamah-mahkamah Syariah belum dengan nyata diberi bidang kuasa memutuskan isu yang timbul itu oleh badan perundangan negeri, tidak bermakna bidang kuasa itu hendaklah dijalankan oleh mahkamah-mahkamah yang disebutkan di perkara 121(1). Isunya bukan sama ada seseorang yang pertikaikan perkara itu boleh dapat remedi-remedinya akan tetapi isunya ialah bidang kuasa mahkamah-mahkamah untuk membicarakan perkara yang berkenaan — bidang kuasa awalan untuk mendengar dan menentukan perkara itu.

Walaupun kita boleh menerima hujah-hujah yang dibuat bergantung kepada kes itu, jelaslah apa yang disebut itu boleh diikuti jika suatu perkara itu tidak dengan jelas diletakkan dalam Perlembagaan dalam bidang kuasa mahkamah sivil dan bukan mahkamah Syariah. Perkara 'probet dan pentadbiran harta' dimasukkan dalam Senarai Persekutuan dalam Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan, dan tidak diberi kepada kuasa negeri dan oleh kerana itu tidak termasuk dalam bidang kuasa mahkamah Syariah. Mahkamah Syariah mengikut Senarai 2 — Senarai Negeri diberi bidang kuasa hanya ke atas orang-orang yang menganut ugama Islam dan hanya mengenai mana-mana perkara yang termasuk dalam perenggan ini'. Sungguhpun perenggan itu menyebut 'Hukum syarak berhubung dengan mewarisi harta berwasiat dan tak berwasiat' dan 'pembahagian harta' jelas ini tidak termasuk 'probet dan surat tadbir harta' (lihat Senarai 1 — Senarai Persekutuan perkara 3(e)(ii)).

Di bawah Perlembagaan Malaysia sungguhpun hukum syarak dan undang-undang diri dan keluarga bagi orang-orang yang menganut ugama Islam, termasuk hukum syarak berhubung dengan mewarisi harta berwasiat dan tak berwasiat diletakkan dalam senarai negeri, probet dan surat mentadbir pusaka adalah masih dalam Senarai Persekutuan. Mahkamah Tinggi Syariah di Wilayah-Wilayah Persekutuan diberi bidang kuasa berhubung dengan:

(a) wasiat atau alang semasa marad-ul-maut seseorang si mati Islam;

(b) wakaf atau nazar;

(c) pembahagian dan pewarisan harta berwasiat dan tak berwasiat;

(d) pemutusan orang-orang yang berhak kepada bahagian harta pusaka seseorang si mati Islam atau bahagian-bahagian yang kepadanya orang-orang itu masing-masing berhak.

(s 46(2)(butir-butir v, vii, viii dan ix) Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993)

Akan tetapi oleh kerana perkara-perkara itu biasanya terlibat dengan probet dan surat mentadbir pusaka, pertikaian mengenai perkara-perkara itu perlu diselesaikan di mahkamah sivil, yang diberi kuasa mengenai probet dan mentadbir pusaka itu. Apabila seorang Islam meninggal dunia dan meninggalkan harta, tindakan perlu diambil untuk mendapatkan probet atau surat mentadbir pusaka dari mahkamah sivil dan pertikaian mengenai perkara-perkara yang disebut di s 46(2)(butir-butir v, vii, viii dan ix itu) biasanya diselesaikan di mahkamah sivil dalam perkara probet atau surat mentadbir pusaka itu.

Dalam kes *Re Timah bte Abdullah* [1941] MLJ 51, Mahkamah Tinggi Sivil di Pahang yang memutuskan bahawa saudara-saudara bukan Islam seorang perempuan Jepun yang telah menganuti ugama Islam dan telah meninggal dunia, tidak berhak menjadi waris si mati itu dan harta pusakanya terpulang kepada Kerajaan Pahang. Seksyen 50 Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993 memperuntukkan:

> Jika dalam perjalanan mana-mana prosiding yang berhubungan dengan pentadbiran dan pembahagian harta pusaka seseorang si mati Islam, mana-

mana mahkamah atau pihak berkuasa, selain daripada Mahkamah Tinggi Syariah atau suatu Mahkamah Rendah Syariah, adalah mempunyai kewajipan untuk memutuskan orang-orang yang berhak kepada bahagian dalam harta pusaka itu, atau bahagian-bahagian yang kepadanya orang-orang itu masing-masingnya berhak, mahkamah Syariah bolehlah atas permohonan mana-mana orang yang menuntut bahawa dia menjadi beneficiari atau wakilnya dan setelah dibayar olehnya fee yang ditetapkan, memperakukan fakta-fakta yang didapati olehnya dan pendapatnya mengenai orang-orang yang berhak kepada bahagian dalam harta pusaka itu dan mengenai bahagian-bahagian yang padanya mereka masing-masingnya berhak.

Sungguhpun kami mengalu-alukan usaha peguam syarie bagi pihak perayu untuk mencuba meluaskan bidang kuasa mahkamah Syariah, kami dukacita tidak dapat menerima dan meluluskan hujahnya selagi terdapat sekatan-sekatan yang telah disebutkan mengenai kuasa mahkamah sivil dalam perkara probet dan pentadbiran harta pusaka yang diberi kepadanya oleh Perlembagaan Malaysia dan Akta Probet dan Pentadbiran 1959. Usaha hendaklah dibuat supaya kuasa itu yang sekarangnya diberi kepada mahkamah sivil dipindahkan apabila melibatkan orang Islam kepada mahkamah Syariah, yang mungkin lebih layak memutuskan perkara-perkara itu.

Oleh kerana kami telah memutuskan Mahkamah Tinggi Syariah tidak ada bidang kuasa dalam perkara ini, mungkin tidak perlu kami membincang isu yang kedua iaitu apakah perayu-perayu ada locus standi membawa kes ini. Dalam perkara seperti yang telah disebut di awal penghakiman terdapat banyak kes yang memutuskan seorang waris tidak ada apa-apa kepentingan dalam mana-mana harta yang menjadi atau dikatakan menjadi harta pusaka selama pentadbiran harta pusaka itu belum selesai. Kes yang terbaru mengenai perkara ini ialah *Punca Klasik Sdn Bhd lwn Foh Chong & Sons Sdn Bhd & Ors* [1998] 1 CLJ 601.

Peruntukan hukum syarak tidak banyak berbeza dari peruntukan undang-undang sivil. Disebutkan dalam buku *Matla' al Badrain* (Kitab Faraid) maksudnya:

1019(1)Hendaklah mendahulukan daripada harta peninggalan si mati belanja kematian dan pengkebumiannya daripada membayar hutang, wasiat dan berbagai pusaka jika tidak bergantung dengan 'ain harta peninggalan itu hak seperti zakat, gadaian — dan barang jualan yang belum dibayar yang mana pembelinya mati di dalam keadaan muflis.

(2) Jika bergantung dengan 'ain harta peninggalannya itu hak seperti zakat, gadaian dan sebagainya hendaklah didahulukannya daripada belanja kematian dan pengebumian.

(3) Selepas itu barulah dibayar segala hutangnya kemudian baharulah dihulurkan segala wasiatnya daripada ⅓ harta yang baki.

(4) Setelah itu baharulah dibahagikan pusaka di kalangan ahli warisnya.

Peguam syarie bagi pihak perayu telah merujuk kepada s 79 Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam Selangor 1952 yang memperuntukkan:

(1) tiada sesiapa orang kecuali seorang pentadbir yang telah dilantik dengan sah atau seorang pelaksana wasiat yang telah membuktikan wasiat

A boleh mewakili atau bertindak bagi pihak harta pusaka seseorang yang telah meninggal dunia:

Dengan syarat seorang waris boleh menuntut bahagiannya dari harta pusaka itu terhadap mana-mana orang yang memiliki apa-apa harta benda si mati.

B Pada pendapat kami peruntukan itu hanya boleh dipakai jika harta pusaka itu telah ditadbir dan tiap-tiap waris tahu apa bahagiannya. Sebelum pentadbiran harta itu selesai seorang waris tidak boleh menentukan bahagiannya dalam harta pusaka itu.

Dengan ini, rayuan dalam kes ini ditolak.

C *Rayuan ditolak.*

Dilaporkan oleh Mohamed Azam Mohamed Adil

D

E

F

G

H

I